

Lelaki terbabit kes buang bayi mengaku rogol gadis bawah umur kena 11 tahun, dua sebatan

SIBU: Seorang lelaki yang di-tahan susulan kes pembuangan bayi di Jalan Tong Sang pada 29 Oktober tahun lepas, mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol gadis bawah umur yang melahirkan bayi tersebut.

Hakim Musyiri Peet kemudian menjatuhkan hukuman penjara 11 tahun dan dua sebatan ke atas tertuduh, 45, dan memerintahkannya menjalani hukuman penjara itu bermula daripada tarikh penahanannya iaitu 29 Oktober 2024.

“Selepas mempertimbangkan fakta kes, pengakuan bersalah, rayuan dan kepentingan awam, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 11 tahun bermula daripada tarikh ditangkap iaitu 29 Oktober 2024 berserta dua sebatan,” ujarinya ketika membacakan penghakiman.

Tertuduh dalam rayuannya memberitahu mahkamah perlu menjaga ibunya yang sudah tua setelah ayahnya meninggal dunia.

Tertuduh yang bekerja di rumah penyembelihan babi turut memberitahu menderita penyakit jantung.

Sementara Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry memohon kepada mahkamah agar mengenakan hukuman setimpal terhadap tertuduh memandangkan



HADAPI HUKUMAN: Tertuduh diiringi keluar dari Mahkamah Sesyen, SibU semalam setelah mengaku bersalah merogol seorang gadis bawah umur.

mangsa berusia bawah 16 tahun dan telah mengandung.

Beliau turut memberitahu, tertuduh merupakan rakan kepada ayah mangsa yang diberi kepercayaan untuk menghantar mangsa ke sekolah sekitar Mac hingga Oktober 2024.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol seorang gadis berusia bawah 16 tahun itu di sebuah rumah sewa Jalan Tong Sang antara Mac hingga Oktober 2024 dan dihukum mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak lebih 30 tahun dan juga sebatan, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada awal Mac 2024 di rumah sewa Jalan Tong Sang terbabit, mangsa dikatakan mengadakan

hubungan seks dengan seorang lelaki sehingga melahirkan seorang bayi pada 29 Oktober 2024.

Pada 29 Oktober 2024 kira-kira jam 10.30 malam, pihak polis telah menahan seorang lelaki iaitu tertuduh bagi membantu siasatan berhubung laporan polis yang dibuat oleh mangsa.

Siasatan mendapati mangsa berusia 14 tahun 10 bulan dan masih bersekolah.

Mangsa merupakan anak tunggal dan dijaga oleh ayah angkat sejak dilahirkan.

Pada 29 Oktober 2024, mangsa telah melahirkan seorang bayi lelaki di rumah sewa hasil hubungan dengan tertuduh dan telah membuang bayi malang tersebut ke dalam tong sampah di hadapan rumah sewa mereka.